

## A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Alia telah mendaftarkan namanya untuk menyertai \_\_\_\_\_, iaitu dalam acara lari di dalam guni.  
**A** senamrobik **C** kugiran  
**B** sukaneka **D** taridra
- Amira suka menulis \_\_\_\_\_ untuk mempertajam kemahiran penulisannya.  
**A** halaju  
**B** purata  
**C** cerpen  
**D** jenama
- Jiran Amin tiada di rumah kerana \_\_\_\_\_ sekeluarga dirawat di hospital akibat keracunan makanan.  
**A** anda  
**B** awak  
**C** kalian  
**D** mereka
- Sebagai Pengarah Syarikat Permata, \_\_\_\_\_ dijemput untuk merasmikan Karnival Kerjaya itu.  
**A** beliau **C** aku  
**B** dia **D** kita

## B. Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang paling sesuai.

|       |        |        |        |        |
|-------|--------|--------|--------|--------|
| segar | tinggi | hampir | tenang | bising |
|-------|--------|--------|--------|--------|

- Fahmi melajukan lariannya apabila sudah semakin \_\_\_\_\_ ke garisan penamat.
- Hamizi tidak dapat memberikan fokus apabila belajar dalam suasana yang terlalu \_\_\_\_\_.
- Murid itu agak \_\_\_\_\_ setelah menceritakan semua masalah yang dihadapinya kepada guru kaunseling.
- "Pergilah mandi dahulu supaya badan kamu berasa \_\_\_\_\_," kata ibu kepada Aifa yang baru pulang dari sekolah.
- Puan Alizah berasa bimbang apabila doktor menunjukkan keputusan bacaan gula dalam darahnya yang agak \_\_\_\_\_.



## Revisi Pantas

### Kata Altroni

#### Contoh:

- asbut, debunga, jentolak, kugiran, patwagam, sukaneka, ADUN, UPSI, PROTON, MARA

### Kata Ganti Nama

- Contoh kata ganti nama diri pertama:

- aku, beta, hamba, kami, kita, patik, saya

- Contoh kata ganti nama diri kedua:

- anda, awak, engkau, kamu, kalian, tuanku

- Contoh kata ganti nama diri ketiga:

- dia, beliau, mereka

### Kata Adjektif

- 9 jenis kata adjektif dan contoh:

- sifat: berani, kuat, nakal, rajin, tekun
- warna: biru, hijau, merah, kuning, ungu
- perasaan: bosan, kecewa, malu, sayu, tenang
- waktu: awal, cepat, lewat, silam, purba
- bentuk: bulat, cengkung, lurus
- ukuran: besar, lebar, nipis, panjang, tinggi
- jarak: dekat, hampir, jauh, rapat
- cara: gopoh, kasar, laju, lincah, perlahan
- pancaindera: enak, bising, cantik, manis, pahit